

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kementerian membuka semula universiti dengan pembelajaran secara fizikal. Jika ada, nyatakan secara jelas SOP terbaru pembelajaran di dalam universiti dan ko-kurikulum, supaya siswa-siswi, ibu bapa, pensyarah, pengusaha kantin dan badan aktiviti siswa memahami semua SOP dengan jelas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam upaya untuk memastikan kelestarian kualiti pendidikan tinggi negara dan mengambil kira input sesi libat urus bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pengurusan IPT yang merangkumi Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, wakil persatuan IPTS dan Majlis perwakilan pelajar, maka Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersetuju melaksanakan kemasukan berperingkat pelajar secara fizikal ke kampus Institut Pendidikan Tinggi (IPT) bermula pada 15 Oktober 2021. Kemasukan pelajar ke IPT kali ini melibatkan semua kategori pelajar di semua IPT di seluruh negara seramai lebih kurang 1.2 juta orang. Dalam hubungan ini juga, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid akan diaplikasikan bagi membolehkan pelajar melaksanakan PdP secara bersemuka di kampus dengan pematuhan SOP yang ketat, dan pada masa yang sama turut menjalani PdP secara dalam talian bagi melengkapkan pembelajaran yang berkaitan.

Bagi tujuan kemasukan pada Oktober 2021, KPT memperkenalkan SOP Sektor Pendidikan Tinggi: Pengoperasian IPT yang mana hanya warga IPT yang lengkap vaksin dan melepasi tempoh keberkesanan selepas divaksin sahaja dibenarkan memasuki kampus. Interaksi komuniti kampus dengan komuniti luar kampus juga akan dipantau secara ketat dari semasa ke semasa. Langkah ini diambil bagi membentuk persekitaran yang selamat dan *herd immunity* di kampus. SOP Sektor Pendidikan Tinggi: Pengoperasian IPT yang telah diluluskan oleh MKN ini merangkumi enam (6) perkara iaitu Pentadbiran IPT; Pergerakan Pelajar IPT Kembali ke Kampus; Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); Pelaksanaan Aktiviti Penyelidikan Dalam Makmal/Bengkel; Pengurusan Pelajar di Kediaman dan Fasiliti Kampus; serta Pengurusan Aktiviti Pelajar.

KPT dengan kerjasama Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) juga sedang giat melaksanakan program vaksinasi warga IPT. Langkah

SOALAN NO: 49

ini bagi meningkatkan kadar vaksinasi warga IPT termasuk pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik sebelum Oktober 2021.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kelancaran pergerakan pelajar untuk memasuki kampus, pihak KPT turut mengadakan perbincangan bersama-sama wakil kerajaan negeri, terutamanya Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan; pihak KKM; Polis DiRaja Malaysia (PDRM); Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) dan syarikat penyedia perkhidmatan penerbangan untuk memudah cara proses pergerakan pelajar dan kemasukan ke kampus secara fizikal.

Pihak KPT juga telah membangunkan soalan lazim yang memperihalkan kaedah dan tatacara yang terlibat bagi kemasukan semula ke kampus. Maklumat ini boleh diakses melalui Portal Rasmi KPT dan juga menerusi hebahan di medial sosial rasmi KPT. Perkhidmatan Bilik Gerakan yang beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu turut disediakan bagi membolehkan pelajar, ibu bapa atau penjaga dan pihak warga IPT mendapatkan sebarang maklumat terkini yang sahih dan tepat.

Sekian, terima kasih.